

Mahathir: Kekalkan semangat muhibah BN

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya terus mengamalkan pendekatan kerjasama dalam semangat muhibah dan tolak ansur bagi mencapai cita-cita menjadi bangsa berjaya dan bermaruah.

Perdana Menteri berkata, BN telah membuktikan dirinya mampu membawa rakyat dan negara ke arah cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara yang stabil, makmur dan dinamis.

Beliau yang juga Pengerusi BN menarik perhatian, pencapaian tersebut adalah hasil daripada keutuhan, kerjasama dan sikap tolak ansur serta kekeluargaan di kalangan anggota-anggota parti BN.

“Tradisi ini telah tertanam hingga ia menjadi budaya dan nilai hidup kita sejak sebelum merdeka lagi, dipusakai daripada pemimpin-pemimpin kita pada masa lalu hingga sekarang.

“Selagi kita memiliki dan kita amalkan pendekatan ini, insya-Allah BN akan terus wujud dan berkuasa sehinggalah terca-

pai cita-cita rakyat untuk menjadi bangsa yang berjaya dan bermaruah,” kata beliau dalam perutusan-nya sempena Perhimpunan Ulang Tahun Ke-20 BN yang diadakan secara besar-besaran di Dataran Merdeka, esok.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu bersyukur kerana negara telah dapat dibangunkan dengan jayanya tanpa adanya pertukaran dalam kerajaan.

“Oleh kerana Kerajaan Malaysia tidak bertukar-tukar maka dasarnya juga tidak bertukar. Hanya yang dibuat oleh BN ialah memperbaiki lagi dasarnya dan memperkenalkan idea-idea baru,” katanya.

Tambahnya, kestabilan tersebut telah mendorong para pelabur asing dan tempatan tidak khuatir terhadap masa depan pelaburan di negara ini dan ia menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Sebaliknya, kata beliau, negara yang maju sekalipun akan mengalami kemerosotan apabila kerajaan bertukar-tukar dengan kerapnya.

“Namun di Malaysia kita memberi tempat kepada parti lawan. Tidak

pernah berlaku yang dewan-dewan tidak mempunyai anggota daripada parti lawan.

“Ini adalah bukti yang jelas bahawa di bawah Kerajaan BN, demokrasi berjalan dengan sihat. Malangnya ahli-ahli parti pembangkang jarang menegur secara membina,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya memberitahu, di bawah kerajaan-kerajaan BN, politik perkauman dapat dikurangkan dan perkara-perkara sensitif dibincang dan diselesaikan secara tertutup.

“Dengan ini ketegangan kaum tidak lagi mengancam kestabilan Malaysia.

“Tumpuan dapat diberikan secara serius kepada pembangunan rakyat dan agihan kekayaan negara secara yang lebih adil. Kemiskinan juga dapat dikurangkan sementara ekonomi tumbuh dengan pesat,” katanya.

Kata beliau, memandangkan politik BN adalah politik sederhana, semua kaum dan parti mempunyai kedudukan yang sama dalam Dewan Tertinggi BN.